

SOALAN NO: 79

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH**  
**[ SETIU ]**  
**RUJUKAN : BL1 [PR-1361-T02010]**  
**SOALAN :**

**Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kesediaan dalam penggunaan kad ceria secara meluas ke kawasan-kawasan selain Wilayah di negara ini bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

216

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Setiu, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan Kad Ceria pada 30 Mac 2017 yang lalu. Ia merupakan kad diskaun yang disediakan khusus bagi membantu warga Wilayah Persekutuan menangani bebanan kos sara hidup yang tinggi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui inisiatif NBOS, juga telah memperkenalkan Kad Diskaun 1Malaysia (1MDC) yang dihasilkan daripada Skuad Pengguna dan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M). 1MDC adalah bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan seperti OKU, pesara dan pelajar.

Sehingga kini terdapat 10,086 premis perniagaan yang telah menyertai program Kad Ceria. Daripada senarai tersebut, terdapat rakan dagang yang mempunyai rangkaian perniagaan di seluruh Semenanjung Malaysia seperti MYDIN dan Pusat Pakaian Hari-hari. Rakan dagang ini turut membenarkan potongan diskaun dinikmati bagi pemegang kad yang berbelanja di premis yang berada di luar kawasan Wilayah Persekutuan.

RT7/80

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
DARIPADA [ HULU LANGAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Che Rosli Bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan senarai lengkap terkini Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) peringkat rendah dan menengah mengikut tahun pembinaan di Parlimen Hulu Langat**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dibina di Parlimen Hulu Langat pada tahun 2016 ialah SK Taman Pelangi Semenyih, SK Bukit Mahkota Bangi, SK Bandar Sunway Semenyih, SK Bandar Tun Hussein Onn 3, SMK Seri Putra Bangi dan SJKT Bukit Mahkota Hulu.

RT7/80